

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

PLG 418 - Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu II

Masa: [1 jam]

Arahan: Jawab DUA (2) soalan sahaja

- 1. Perkaedahan Pengajaran Sastera:**
Sediakan satu modul pengajaran puisi tingkatan enam. Modul tersebut haruslah berdasarkan kepada satu pendekatan pengajaran sahaja. Dan nyatakan kekuatan yang ada pada modul yang anda cadangkan itu.
- 2. Penyelidikan Dalam Pendidikan Sastera:**
Apakah yang anda faham dengan penyelidikan dan bagaimanakah hendak menjalankan satu kajian tentang kecenderungan dan minat murid terhadap mata pelajaran sastera Melayu.
- 3. Bacaan dan Penghayatan Sastera:**
Apakah yang anda faham dengan pendekatan bacaan penghayatan dan bagaimanakah anda boleh mengaplikasikannya kepada pelajar-pelajar anda supaya pelajar anda minat dan seronok mengikuti pengajaran sastera.
- 4. Pengujian dan Penilaian Dalam Pendidikan Sastera:**
"Kebiasaannya guru sastera menggunakan pendekatan taksonomi Bloom semasa menjalankan pengujian dan penilaian sastera". Berdasarkan kenyataan ini apakah kelemahan taksonomi Bloom dan bagaimanakah taksonomi Moody dapat membantu guru dalam pengujian dan penilaian mata pelajaran sastera.
- 5. Isu dan Masalah Dalam Pengajaran Pembelajaran Sastera:**
Bincangkan isu dan masalah yang sering dihadapi oleh guru dan pelajar tingkatan enam yang mengikuti mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan cadangkan langkah-langkah untuk mengatasinya.

- oooOooo -